

21 MAY 2001

Mahathir-Kuota

KUOTA DI IPTA PERLU UNTUK KESEIMBANGAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kuota pelajar Melayu ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) perlu dikekalkan bagi mengimbangi jumlah keseluruhan pelajar Melayu di peringkat pendidikan tinggi.

Perdana Menteri berkata kuota itu hanya digunakan untuk mengimbangi kedudukan pelajar-pelajar Melayu di luar IPTA terutamanya di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), yang majoritinya bukan Bumiputera.

"Kita berpendapat soal kuota ini tidak perlu terhad kepada IPTA sahaja, yang penting ialah bilangan pelajar-pelajar Melayu yang ada dalam peringkat tertiary (pendidikan tinggi) di seluruh negara daripada keseluruhan penduduk negara.

"IPTA hanya diguna untuk mengimbangkan kedudukan di luar IPTA kerana kita tidak ada kuasa di dalam IPTS, kemasukan dalam IPTS majoritinya terdiri daripada bukan bumiputera," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

"Jadi, kuota dalam IPTA ialah untuk megimbangi kedudukan seluruh keadaan penuntut peringkat universiti seluruh negara termasuk juga mereka di luar negeri," katanya.

Dr Mahathir berkata jika dikira jumlah keseluruhan pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi, kita mendapati pelajar Bumiputera kurang daripada 55 peratus.

"Dengan adanya kuota 55 peratus ini pun peratusan Bumiputera keseluruhannya amat berkurangan berbanding dengan bukan Bumiputera," katanya.

Perdana Menteri berkata Umno akan membuat satu kajian berkenaan pelajar di peringkat berkenaan di seluruh negara dan di luar negara untuk mengetahui peratusan Bumiputera dan bukan Bumiputera.

"Kita sokong adanya untuk kemasukan dalam IPTA dan tidak minta kuota untuk IPTS,"katanya.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata pada mesyuarat empat jam itu MT menyatakan rasa tidak senang hati dengan peratusan pelajar Melayu lelaki yang semakin berkurangan di IPT berdasarkan perbezaan peratusan makin luas antara pelajar lelaki Melayu dengan pelajar perempuan Melayu.

Beliau berkata pada tahun lepas, perbezaaan peratusan ialah 67 peratus pelajar perempuan berbanding 37 peratus lelaki tetapi tahun ini, peratusan pelajar perempuan Melayu terusmeningkat kepada 70 peratus.

MT, katanya mendapati pelajar lelaki tidak terdorong untuk meneruskan pendidikan mereka kerana didapati tidak fokus kepada pelajaran dan terlibat dalam kegiatan lain yang meyebabkan mereka mendapat kelulusan lebih rendah.

Dr Mahathir berkata MT telah memutuskan satu badan khas dilantik dengan diketuai Menteri Pendidikan untuk menyediakan kertas kerja bagi mengatasi masalah itu.

Perdana Menteri, secara berseloroh, berkata masalah jurang peratusan yang besar antara lelaki Melayu dan perempuan Melayu akan mendatangkan masalah pada masa depan termasuk dalam soal mencari jodoh.

-- BERNAMA

MS MAM NAK